

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 APRIL 2016

Kekayaan negara diagih dengan risiko minimum

» *Aset di bawah pengurusan PNB sudah cecah lebih RM267b: PM*

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Shamsul Kamal Amaruddin
bhnews@bh.com.my

Tapah

Datuk Seri Najib Razak berkata, pelaburan unit amanah di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB) membolehkan rakyat berkongsi kekayaan negara.

Perdana Menteri berkata, melalui pendekatan itu kekayaan dapat diagihkan kepada rakyat dengan risiko yang paling minimum.

"Risikonya paling minimum sebab cara dan kaedah yang sudah ditetapkan oleh kerajaan menerusi PNB memberi perlindungan kepada pelabur.

"Sebab itulah aset di bawah pengurusan PNB berkembang kini mencecah lebih RM267 bilion," katanya merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2016 yang juga ke-17 di Stadium Mini Tapah di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Jumlah dana melonjak

Perdana Menteri berkata, menerusi pelbagai program, khususnya MSAM yang sudah menjangkau usia 16 tahun berjaya menarik penyertaan lebih tiga juta rakyat, penganjuran Seminar Pelaburan 360 di 140 daerah dan penubuhan Kelab Pelaburan Bijak di 116 sekolah seluruh negara, memberi kesan dari pelbagai dimensi.

Beliau berkata, program itu juga mendidik rakyat cara melabur dan mengurus kewangan peribadi serta keluarga, selain kos sara hidup, gaya hidup dan isu hutang, sekali gus menjadikan mereka lebih mampu menangani cabaran hidup dengan berjaya.

Katanya, kali pertama MSAM dianjurkan pada 2000, jumlah dana rakyat dalam pelaburan unit amanah PNB adalah hampir 36 bilion unit dan setakat Mac lalu pula, ia sudah melonjak kepada lebih 200 bilion unit.

"Antara satu isu penting sekarang adalah hutang isi rumah negara yang berada pada tahap 87 peratus daripada nilai KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) pada 2014 dan meningkat kepada 89 peratus pada 2015.

"Sebahagian daripada hutang ini tidak dapat dielakkan kerana ia membabitkan pembelian rumah dan kereta, namun hutang kad kredit serta hutang lain yang ada hubung kait dengan perbelanjaan kita

hendaklah dirancang dan dikawal," katanya.

Kagumi pencapaian PNB

Najib berkata, beliau kagum terhadap pelbagai pencapaian PNB, termasuk pembinaan Bangunan Warisan Merdeka setinggi 118 tingkat di Kuala Lumpur dan pembelian aset bernilai di United Kingdom serta Australia.

"Sebab itulah, jangan minta orang asing campur tangan dalam urusan dalam negara kita. Kita nak urusan dalam negara ditentukan rakyat Malaysia sendiri, (dalam) bidang korporat kita dah ada PNB," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan sumbangan RM700,000 daripada PNB untuk menaik taraf Unit Haemodialisis Hospital Tapah serta pembelian empat lagi mesin baharu haemodialisis untuk hospital berkenaan.

Najib kemudian menyampaikan replika cek RM700,000 kepada Pengarah Kesihatan Perak, Datuk Dr Juita Ghazalie, serta replika kereta Ford Fiesta kepada pemenang pengunjung bertuah hari perasmian MSAM.

Rosmah pula meluangkan masa melawat pameran Pusat Haemodialisis di tapak pameran MSAM 2016 di Stadium Mini Tapah.

"Menerusi pelbagai program, khususnya MSAM yang sudah menjangkau usia 16 tahun berjaya menarik penyertaan lebih tiga juta rakyat, penganjuran Seminar Pelaburan 360 di 140 daerah dan penubuhan Kelab Pelaburan Bijak di 116 sekolah seluruh negara, memberi kesan dari pelbagai dimensi"

Najib Razak,
Perdana Menteri

BH-21/4/2016